

**PERTANYAAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN YANG KE-13 DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN**  
**(TANJONG MALIM)**  
**TARIKH : 11 JUN 2015 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN : 41**

Minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah kaedah dan perancangan yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan untuk menolak ekstremisme dan memupuk semangat solidariti di kalangan rakyat yang berbilang kaum di negara ini.

**JAWAPAN:**

Tan Sri Yang Di-Pertua,

***“Sungguhpun kita mempunyai perbezaan budaya dan agama, kita tetap warganegara Malaysia yang cintakan negara dan akan terus berjuang menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020.”***

Demikianlah petikan kata-kata YAB Perdana Menteri semasa berucap di Majlis Rumah Terbuka Malaysia Deepavali pada 1 November 2014.

Konsep kesatuan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*) yang diasaskan pemimpin terdahulu tidak terdapat di negara lain. Ini sekaligus menjadikan Malaysia sebuah negara yang istimewa. Rakyat Malaysia seharusnya berasa kagum dengan kejayaan kerajaan membawa negara mengecapi keamanan dan kemakmuran walaupun memiliki kepelbagaian kaum.

Perancangan Kerajaan di dalam memperjuangkan sikap kesederhanaan dan menolak fahaman melampau samada agama maupun perkauman adalah dengan menampilkan sikap berani yang penuh kebijaksanaan. Era dunia masa kini adalah era yang bakal dibentuk oleh pemikiran rakyatnya melalui kebijaksanaan.

Tindakan menggunakan pendekatan kesederhanaan dan seimbang bukan sahaja berupaya menangkis fahaman golongan melampau dan kumpulan radikal sebaliknya kaedah kesederhanaan dengan kebijaksanaan rakyatnya mampu melonjakkan kesejahteraan dan kesepaduan sosial rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Soladiriti di kalangan masyarakat pelbagai kaum tidak akan kekal jika sekadar diurus pihak Kerajaan semata-mata. Ianya adalah proses berterusan dan akan berjaya jika rakyat turut terlibat di dalam proses penyuburan perpaduan dan keharmonian tersebut.

Antara inisiatif diambil Kerajaan untuk memupuk dan memperteguhkan solidariti rakyat Malaysia adalah seperti berikut:

- a) **Melakukan pendampingan kepada jentera-jentera di peringkat komuniti seperti Rukun Tetangga, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Persatuan Penduduk, Badan-Badan Bukan Kerajaan** dengan memberi pendidikan mengenai pentingnya sifat saling hormat-menghormati di kalangan penduduk pelbagai kaum dan mewujudkan suasana harmoni di kalangan penganut-penganut agama.
  
- b) **Menggalakkan penganjuran program dan aktiviti ke arah jalinan integrasi nasional** untuk merapatkan hubungan di antara penduduk-penduduk di Sabah, Sarawak dan Labuan dengan negeri-negeri di Semenanjung seperti program lawatan integrasi nasional, program homestay integrasi, program titian padu emas, titian integrasi IPT dan kursus orientasi pegawai-pegawai persekutuan dari Semenanjung bertugas di Sabah, Sarawak dan Labuan dan sebaliknya yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman budaya dan cara hidup masyarakat setempat.
  
- c) **Menyebarkan berita-berita perpaduan melalui Kapsul Perpaduan** dengan tujuan untuk mendidik rakyat menghayati pengertian dan nilai-nilai perpaduan serta menyemai prinsip-prinsip Rukun Negara, nilai-nilai murni dan aspirasi Gagasan 1Malaysia.
  
- d) **Melakukan pengesanan dan pemantauan isu-isu** yang menjejaskan perpaduan dan keharmonian dan bersedia melakukan intervensi untuk meredakan ketegangan yang berlaku dan seterusnya mengembalikan keamanan negara.

- e) **Memantapkan pasukan Mediator Komuniti** di peringkat akar umbi supaya apa-apa pertelingkahan dan pergeseran yang berlaku mampu diselesaikan secara baik dan sekali gus menggalakkan interaksi di kalangan komuniti.
  
- f) **Menjalinkan perkongsian strategik bersama Institusi-institusi pengajian tinggi** khususnya Institut Kajian Etnik (KITA) di UKM dan institusi pemikir (*think-tank institution*) untuk berkongsi hasil kajian, wacana, perbincangan, pandangan mengenai hubungan etnik dan perpaduan nasional.
  
- g) **Menggalakkan pendekatan dialog** di kalangan penganut-penganut agama untuk memupuk keharmonian dan persefahaman di bawah naungan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA).
  
- h) **Menganjurkan lebih banyak sesi perbincangan, bengkel, *contestation of ideas* dan perdebatan yang sihat** melibatkan golongan muda dengan berorientasikan idea bagi mengupas isu berbangkit dalam hubungan antara kaum seperti kontrak sosial, perkara 151 hingga 153 Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain.

- i) **Memperluaskan peranan Skwad UNITI** untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan meningkatkan usaha perpaduan dan keharmonian seperti perkhidmatan mediasi komuniti untuk tujuan menyelesaikan pertikaian komuniti, perkhidmatan keselamatan kejranaan melalui Skim Rondaan Sukarela untuk mewujudkan perasaan selamat di kalangan komuniti, perkhidmatan pendidikan perpaduan melalui perluasan Kelas Tabika Perpaduan, Kelab-Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara.
  
- j) **Menggalakkan penglibatan mahasiswa IPTA/IPTS di dalam program MyInternship** memberi peluang pelajar bumiputera untuk menjalani latihan industri di syarikat-syarikat bukan bumiputera. Program ini menyediakan peluang perkongsian ilmu pengetahuan, pendedahan kepada budaya kerja dan suasana yang berbeza, jalinan hubungan dan sekali gus menepis persepsi negatif bahawa syarikat bukan bumiputera cenderung mengambil para pelatih atau pekerja di kalangan kaum mereka sendiri.

Walaupun kerajaan amat bersungguh-sungguh memastikan rakyat hidup di dalam suasana aman dan harmoni, masih terdapat anasir-anasir yang cuba mengubah nikmat keamanan dan ketenteraman yang dikecapi selama ini. Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang sengaja menjejaskan sensitiviti kaum dan memecahkan keamanan melalui undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Adalah dipercayai bahawa melalui langkah-langkah, kepekaan dan kerjasama semua rakyat jelata, keharmonian dan perpaduan akan dapat terus dipupuk, keamanan dan kebahagiaan dikekalkan untuk manfaat semua rakyat dan generasi yang akan datang, selaras dengan hasrat Wawasan Negara dan Gagasan 1 Malaysia.